

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 24 JANUARI 2017 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lebih 1,000 penduduk terima manfaat projek bekalan air bersih Kampung Rumindako	BERNAMA
2.	1,800 penduduk nikmati air bersih terawat	Utusan Borneo
3.	International investors upbeat on Malaysia's prospects	Malay Mail
4.	International investors remain upbeat on the potential of Malaysian economy	BERNAMA
5.	Bantu jana RM4,500 sebulan	Harian Metro
6.	Hujan dijangka melanda beberapa negeri pada Tahun Baharu Cina	BERNAMA
7.	Kedah mungkin laksana pemberian awan	BERNAMA
8.	Kedah pertimbang pemberian awan	Berita Harian
9.	Monsoon rains batter southern states	The Star
10.	Dua daerah di Terengganu terjejas banjir	Sinar Harian

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 JANUARI 2017 (SELASA)**



## **Lebih 1,000 Penduduk Terima Manfaat Projek Bekalan Air Bersih Kampung Rumindako**

TUARAN, 23 Jan (Bernama) -- Lebih 1,000 penduduk di Kampung Rumindako, Kiulu dan penduduk di sekitarnya mendapat manfaat bekalan air bersih terawat percuma melalui Projek Bekalan Air Bersih menggunakan teknologi sistem penapisan air mambran mudah alih yang dibangunkan di kampung yang terletak kira-kira 31 kilometer dari pekan Tuaran.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau** berkata projek bekalan air bersih berkenaan merupakan salah satu program di bawah platform Sosial Inovasi MOSTI (MSI) yang dilaksanakan oleh **Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC)**, satu agensi di bawah kementerian itu.

"Melalui sistem penapisan air membran mudah alih yang berjenama 'Pahlawan Tuah2000' itu, penduduk di sini (Kampung Rumindako) akan mendapat manfaat kemudahan air secara percuma yang bersih dan boleh diminum tanpa dimasak.

Pahlawan Tuah2000 mampu menyediakan bekalan air bersih terawat kepada lebih 1,000 penduduk dan ia secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah kesihatan yang dihadapi penduduk di kawasan berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis penyerahan sistem penapis air itu di kampung berkenaan hari ini.

Madius berkata projek untuk membangunkan sistem penapis air itu bertujuan untuk membantu masyarakat dalam memenuhi keperluan serta meningkatkan kesejahteraan hidup melalui pelaksanaan projek, perkhidmatan, peningkatan kemahiran menggunakan teknologi sedia ada.

"Selain itu ia juga merupakan inisiatif kerajaan dalam menggalakkan pembudayaan inovasi di kalangan masyarakat serta menyampaikan hasil inovasi kepada rakyat.

Sementara itu, Ketua Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata projek bekalan air bersih itu dibangunkan oleh Membrane Technology Sdn Bhd (MTM) iaitu sebuah syarikat penerima Dana Pengkomersilan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan (CRDF) daripada MTDC dan projek pembangunan teknologi adalah hasil kerjasama dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

"Sistem Pahlawan Tuah2000 itu mempunyai kapasiti untuk menghasilkan 2,000 liter air bersih sejam iaitu bersamaan keperluan 200 isi rumah," katanya.

Beliau berkata bagi meningkatkan kelangsungan penggunaan Pahlawan Tuah2000, penduduk akan diberi latihan pengendalian dan penjagaan sistem penapisan air berkenaan.

"Dengan adanya penyelenggaraan berterusan sistem penapis air itu mampu memberi manfaat kepada penduduk sekurang-kurangnya dalam tempoh lima tahun," katanya.

Sementara itu, Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Rumandako, James Yukin berkata pihaknya sangat berterima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Madius yang juga Anggota Parlimen Tuaran kerana telah memilih membangunkan sistem penapis air berkenaan di kampung itu.

"Oleh itu saya berharap semua penduduk kampung dapat memanfaatkan sebaiknya sistem penapisan air itu dan bersama-sama menjaganya sebaik mungkin kerana untuk mandapat penapis itu bukannya mudah," katanya.

--BERNAMA

# KERATAN AKHBAR

## UTUSAN BORNEO : MUKA SURAT 31

### TARIKH : 20 JANUARI 2017 (JUMAAT)

#### 1,800 penduduk nikmati air bersih terawat

Bekalan menggunakan teknologi Membrane Portable Drinking Water Filtration'

Utusan Borneo (Sabah), 24 Jan 2017 | [Read more](#)



MADIUS (empat dari kanan) bersama beberapa tetamu yang hadir menunjukkan isyarat bagus selepas majlis perasmian projek itu.

TAMPARULI: Seramai 1,800 penduduk Kampung Rumindako Kiulu bakal menikmati air bersih terawat melalui projek bekalan air bersih menggunakan teknologi Membrane Portable Drinking Water Filtration'.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Panglima

Madius Tangau berkata teknologi membran itu mampu menghasilkan 2,000 liter air bersih iaitu bersamaan keperluan harian 200 isi rumah untuk tempoh lima tahun datang.

"Projek bekalan air bersih ini merupakan salah satu program di bawah Platform Sosial Inovasi Kementerian Sains, Teknologi dan

Inovasi (Mosti) yang dijalankan oleh pihak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan kerjasama Membrane Technology Sdn Bhd dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) usaha untuk mendapatkan bekalan air bersih kepada penduduk sekitar kampung itu.



MADIUS (tengah) ketika menandatangani plak perasmian Projek Bekalan Air Bersih.



NORHALIM (kanan) menerangkan sesuatu kepada Madius (dua dari kanan).

"Mulai hari ini, penduduk dapat menggunakan air bersih ini yang secara tidak langsung dapat mengurangkan masalah kesihatan yang dihadapi penduduk di kawasan ini," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Projek Bekalan Air Bersih untuk Komuniti Kampung Rumindako, Kiulu, petang kelmarin.

Madius yang juga Ahli Parlimen Tuaran berkata tujuan Program MSI adalah untuk membantu komuniti memenuhi keperluan dan meningkatkan kemahiran atau hasil inovasi menggunakan teknologi sedia ada.

Selain itu, ia juga merupakan inisiatif kerajaan dalam

menggalakkan pembudayaan inovasi dalam kalangan masyarakat dan menyampaikan hasil inovasi kembali kepada rakyat.

Sementara itu, Ketua Eksekutif MTDC Datuk Norhalim Yunus berkata penduduk akan diberi latihan cara pengendalian dan penjagaan sistem penapisan air yang berteknologi tinggi.

"Mereka juga akan didedahkan dengan cara-cara menjana ekonomi setempat secara berterusan melalui hasil aplikasi sistem Pahlawan Tuah2000 bagi meningkatkan kelangsungan penggunaan aplikasi itu," katanya

Menyatakan bahawa kerajaan akan memberi manfaat kepada seluruh masyarakat kampung, sekaligus dapat meningkatkan pendapatan ekonomi masing-masing.



JAMES (dua dari kiri) menerima bekalan air bersih daripada Madius (dua dari kanan) simbolik perasmian penyerahan bekalan air.

Projek bekalan air bersih ini merupakan salah satu program di bawah Platform Sosial Inovasi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) yang dijalankan oleh pihak Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dengan kerjasama Membrane Technology Sdn Bhd dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) usaha untuk mendapatkan bekalan air bersih kepada penduduk sekitar kampung itu.

DATUK SERI PANGLIMA  
MADIUS TANGAU Menteri  
Sains, Teknologi dan Inovasi

KERATAN AKHBAR  
MALAY MAIL (MONEY) : MUKA SURAT 34  
TARIKH : 20 JANUARI 2017 (JUMAAT)

34

Money

MALAY MAIL Tuesday January 24, 2017

## International investors upbeat on Malaysia's prospects

**DAVOS** — The Malaysian delegation at the World Economic Forum (WEF) continued its annual tradition by hosting a business luncheon, lead by Khazanah Nasional Bhd and the Malaysian Investment Development Authority (Mida).

Alongside International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed Minister (*pic*), Health Minister Datuk Seri Dr. S. Subramaniam and Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Malaysian business leaders present were Khazanah managing director Tan Sri Azman Mokhtar, AirAsia Bhd chairman Tan Sri Tony Fernandes, CIMB Group Holdings Bhd chairman Datuk Seri Nazir Razak, and Astro Malaysia Holdings Bhd chief executive officer Datuk Rohana Rozhan.

As always there has been strong public-private collaboration in Davos to showcase Malaysia to the world.

Speaking before 50 existing and potential international investors from various sectors and countries, Mustapa highlighted Malaysia's strengths including its political stability, strong economic fundamentals and track record, business-friendly policies, excellent infrastructure, its strategic position within Asean as well as facilitation of investment through Mida.

"Despite the current challenging climate, our gross domestic product growth rate remains among the highest in the region and among emerging markets," he said.

During the luncheon, the he responded to several questions raised by the audience, mainly on the direction of the Malaysian economy, especially in the context of US President Donald Trump's administration and the current status of the economic integration of Asean.

He urged the investors to take advantage

of the numerous opportunities available in the dynamic region of Asean by using Malaysia as the gateway. A large number of foreign companies such as Novartis, Roche, GE and Standard Chartered have made Malaysia their regional hubs.

When asked by the audience on the country's strategy should the Trans-Pacific Partnership (TPP) fail to materialise, Mustapa said Malaysia's priorities will be on strengthening economic integration within Asean, pushing for the conclusion of the Regional Comprehensive Economic Partnership as well as perhaps pursuing bilateral free trade agreements with relevant TPP members.

Against the backdrop of rising protectionist sentiments in a number of countries, Mustapa assured the international community that Malaysia is not in retreat.

"We remain open for business. Foreign investments have played a major role in our economic development and we will continue to welcome high quality investments, especially in the catalytic sub-sectors, namely chemicals, electrical and electronics, and machinery and equipment, as well as other high potential growth areas including aerospace, medical devices and digital economy," he said.

Malaysia has been a major beneficiary of foreign direct investment (FDI), as no less than one million of Malaysians are working with foreign companies.



"FDI also contributes to our exports given that a large number of foreign companies operating in Malaysia are 100% export-oriented.

"The presence of foreign companies in our economy has also provided our local small and medium enterprises (SMEs) access to valuable technology transfer and exchange of know-how, which are crucial in developing their capabilities which will allow them to be part of the global supply chain," the minister added.

The digital economy is one the priority areas identified for future economic growth. In this area, Malaysia has recorded an improvement in new investments, from US\$1.05 billion (RM4.66 billion) in 2015 to US\$ 1.5 billion in 2016.

The targeted areas for future growth as far as the digital economy is concerned will be on financial technology, growth of start-ups and the development of the world's first cross border trade for SMEs namely the Digital Free Trade Zone as announced under the Budget 2017.

Mustapa also reiterated Malaysia's commitment to pro-growth policies, despite the challenging economic conditions. "We have invested heavily in infrastructure as evidenced through recent key projects such as the MRT and Pan Borneo Highway

and will continue to invest in major infrastructure such as the high speed rail which will further improve the business environment. "This will also improve the connectivity within and beyond the borders of Malaysia hence enhancing our competitiveness in the region," he said.

Separately, Mustapa had bilateral meetings with a number of government and business leaders throughout the WEF. Among the companies he met were Microsoft, Hitachi, Qualcomm, Hanwha, Nielsen and PwC, among others.

Some of these companies are looking into the possibility of expanding their footprints in Malaysia. Meanwhile, as far as the internet of things and digital economy are concerned, a number of international companies have expressed their interest to play a more active role in unlocking Malaysia's potential in this area.

"Davos is an important platform for us to expand our network and strike valuable business deals. It also provides the opportunity for us to learn more about emerging trends such as the Fourth Industrial Revolution and automation. Malaysia as a country needs to align itself to this new reality and keep abreast of latest developments," the Minister said.

Moving forward, he stressed the importance for Malaysia to continuously improve its approach in attracting investment.

"We are now adopting a more holistic strategy in which we are working closely with consulting firms, banks, private companies and our diaspora. For instance in Zurich alone, there are around 30 Malaysians occupying senior positions in various companies. They must be our ambassadors in promoting the Malaysian brand," he said.

TARIKH: 24 JANUARI 2017 (SELASA)



## INTERNATIONAL INVESTORS REMAIN UPBEAT ON THE POTENTIAL OF MALAYSIAN ECONOMY

**Davos, Jan 23 (Bernama)** -- The Malaysian delegation at the WEF had continued their annual tradition by hosting the Business Luncheon, one of the most iconic Malaysian events in Davos. The event was jointly hosted by Khazanah Nasional and MIDA.

Alongside YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Minister of International Trade and Industry, YB Dato Seri Dr. Subramaniam Sathasivam Minister of Health and **YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau Minister of Science, Technology and Innovation**, notable Malaysian business leaders present were Tan Sri Azman Mokhtar Managing Director of Khazanah Nasional, Tan Sri Tony Fernandes Chairman of AirAsia, Dato' Sri Nazir Razak Chairman of CIMB and Dato' Rohana Rozhan CEO of Astro. As always there has been strong public-private collaboration in Davos to showcase Malaysia to the world.

Speaking before 50 existing and potential international investors from various sectors and countries, Dato' Sri Mustapa highlighted Malaysia's strengths including its political stability, strong economic fundamentals and track record, business-friendly policies, excellent infrastructure, its strategic position within ASEAN as well as facilitation of investment through MIDA. Despite the current challenging climate, our GDP growth rate remains among the highest in the region and among emerging markets.

During the luncheon, the Minister responded to several questions raised by the audience. The questions asked were mainly on the direction of the Malaysian economy, especially in the context of President Trump's administration and the current status of the economic integration of ASEAN. He urged the investors to take advantage of the numerous opportunities available in the dynamic region of ASEAN by using Malaysia as the gateway. A large number of foreign companies such as Novartis, Roche, GE and Standard Chartered have made Malaysia their regional hubs.

When asked by the audience on our strategy should the Trans-Pacific Partnership Agreement (TPPA) fail to materialise, Dato' Sri Mustapa informed them that Malaysia's priorities will be on strengthening economic integration

within ASEAN, pushing for the conclusion of the Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP) as well as perhaps pursuing bilateral FTAs with relevant TPP members.

Against the backdrop of rising protectionist sentiments in a number of countries, Dato' Sri Mustapa assured the international community that Malaysia is not in retreat, "We remain open for business. Foreign investments have played a major role in our economic development and we will continue to welcome high quality investments, especially in the catalytic subsectors namely chemicals, electrical & electronics (E&E), and machinery & equipment (M&E), as well as other high potential growth areas including aerospace, medical devices and digital economy,".

Malaysia has been a major beneficiary of Foreign Direct Investment (FDI). No less than 1 million of our people are working with foreign companies. FDI also contributes to our exports given that a large number of foreign companies operating in Malaysia are 100% export-oriented. The presence of foreign companies in our economy has also provided our local SMEs access to valuable technology transfer and exchange of know-how, which are crucial in developing their capabilities which will allow them to be part of the global supply chain.

The digital economy is one the priority areas identified for future economic growth. In this area, Malaysia has recorded an improvement in new investments, from USD1.05 billion in 2015 to USD 1.5 billion in 2016. The targeted areas for future growth as far as the digital economy is concerned will be on financial technology, growth of start-ups and the development of the world's first cross border trade for SMEs namely the Digital Free Trade Zone as announced under the Budget 2017.

He also reiterated Malaysia's commitment to pro-growth policies, despite the challenging economic conditions, "We have invested heavily in infrastructure as evidenced through recent key projects such as the MRT and Pan Borneo Highway and will continue to invest in major infrastructure such as the High Speed Rail which will further improve the business environment. This will also improve the connectivity within and beyond the borders of Malaysia hence enhancing our competitiveness in the region."

Separately, Dato' Sri Mustapa had bilateral meetings with a number of government and business leaders throughout the WEF. Among the companies he met were Microsoft, Hitachi, Qualcomm, Hanwha, Nielsen and PwC, among others.

Some of these companies are looking into the possibility of expanding their footprints in Malaysia. Meanwhile, as far as the Internet of Things and Digital Economy are concerned, a number of international companies have expressed their interest to play a more active role in unlocking Malaysia's potential in this area.

"Davos is an important platform for us to expand our network and strike valuable business deals. It also provides the opportunity for us to learn more about emerging trends such as the Fourth Industrial Revolution and automation. Malaysia as a country needs to align itself to this new reality and keep abreast of latest developments," the Minister said.

Despite all the noises surrounding the Malaysian economy, there is still a lot of interest among the international business community in Malaysian economy. They acknowledge the country's economic resilience in weathering uncertainties and have strong confidence that Malaysia will continue to do well.

Moving forward, Dato' Sri Mustapa stressed the importance for Malaysia to continuously improve its approach in attracting investment. "We are now adopting a more holistic strategy in which we are working closely with consulting firms, banks, private companies and our diaspora. For instance in Zurich alone there are around 30 Malaysians occupying senior positions in various companies. They must be our ambassadors in promoting the Malaysianbrand,"

--BERNAMA

# BANTU JANA RM4,500 SEBULAN

Hafiz Ithnin  
hafizithnin@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**M**alaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) menasarkan antara 300 hingga 400 petani tempatan dapat menyertai Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) tahun



*“ Tahun ini,  
Bioeconomy  
Corp bercadang  
melaaskan lagi  
projek BCDP  
Syed Agil ”*

ini dalam usaha menggalakkan penyertaan rakyat dalam sektor bioekonomi terutama di luar bandar.

Setakat tahun lalu, BCDP membina 25 projek memberi manfaat kepada 350 petani tempatan yang juga menjadi sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutifnya Syed Agil Syed Hashim berkata, program itu bukan saja membantu menjana pendapatan tambahan disasarkan RM4,500 sebulan kepada setiap petani, malah memberi peluang kepada mereka

mendapatkan pengetahuan dalam bidang bioteknologi untuk pembangunan projek pertanian dilaksanakan.

Beliau berkata, pada tahun ini, Bioeconomy Corp bercadang meluaskan lagi projek BCDP ke beberapa negeri, antaranya Sabah, Kedah dan Perak dalam pelbagai bidang pertanian diusahakan petani tempatan.

“BCDP membabitkan penyertaan pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa tempatan, koridor ekonomi dan syarikat Bionexus sendiri yang menjadi pembeli terus hasil tanaman diusahakan petani.

“Tujuan BCDB itu untuk membolehkan petani yang mengusahakan tanaman bernilai tinggi dapat menjual terus kepada syarikat Bionexus tanpa membabitkan orang tengah, sekali gus membantu mereka menjana pendapatan lebih baik,” katanya kepada Bisnes Metro.

Sehingga Disember 2016, Bioeconomy Corp membantu 278 syarikat berstatus BioNexus

dan 53 daripadanya bertindak sebagai syarikat utama dalam Program Transformasi Bioekonomi Bioeconomy Corp yang menumpukan kepada projek pembangunan berdasarkan bio yang mampam.

Syed Agil berkata, setakat akhir 2016, 53 syarikat berstatus BioNexus menjana RM555 juta perolehan dan mencatatkan RM532 juta nilai pelaburan direalisasikan.

Beliau berkata, meskipun keadaan ekonomi ketika ini berdepan cabaran, namun pihaknya tidak melihat ia memberi kesan besar kepada prestasi tarikan pelaburan langsung dalam bidang bioteknologi dengan meletakkan sasaran RM2 bilion pada tahun ini.

“Dari segi sasaran mengkomersialkan produk, kami berhasrat menyumbang sepuluh produk pada tahun ini berbanding 11 pada tahun lalu dalam usaha menyokong Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mencapai 360 produk baru berdaya saing di peringkat global untuk pengkomersialan menjelang 2020,” katanya.

**BERITA ONLINE  
BERNAMA.COM**  
**TARIKH: 24 JANUARI 2017 (SELASA)**



## **Hujan Dijangka Melanda Beberapa Negeri Pada Tahun Baru Cina**

Beberapa negeri dijangka mengalami hujan pada sambutan Tahun Baru Cina, Sabtu dan Ahad ini.

**Jabatan Meteorologi Malaysia** dalam kenyataan hari ini berkata keadaan itu disebabkan tiupan angin Timur Laut dengan kelajuan 20 hingga 30 kilometer sejam yang dijangka melanda negara pada kedua-dua hari itu.

"Sehubungan itu, hujan di beberapa tempat dijangka berlaku di negeri-negeri Pantai Timur, Barat Sarawak dan Timur Sabah pada sebelah pagi dan petang," menurut kenyataan itu.

Manakala hujan dan ribut petir di satu dua tempat boleh berlaku di negeri-negeri di Pantai Barat Semenanjung; Sabah (Bahagian Pedalaman, Pantai Barat dan Tawau); dan Sarawak (Bintulu, Miri, Limbang dan Kapit) pada sebelah petang.

Pada sebelah malam pula, hujan di satu dua tempat dijangka berlaku di Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, semua bahagian di Sarawak dan Sabah serta Wilayah Persekutuan Labuan.

--BERNAMA

BERITA ONLINE

BERNAMA.COM

TARIKH: 24 JANUARI 2017 (SELASA)



## Kedah Mungkin Laksana Pembenihan Awan

ALOR SETAR, 23 Jan (Bernama) -- Kedah mungkin melaksanakan pembenihan awan sekiranya paras air di beberapa empangan utama di negeri ini terus menurun hingga tidak mampu memenuhi permintaan air domestik, industri dan pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air, dan Tenaga Negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim berkata bagaimanapun pihaknya akan melakukan perbincangan dengan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air dan Jabatan Meteorologi terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

"Sekarang ini memang kita menerima hujan bagaimanapun hujan tidak turun di kawasan tadahan air," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pertandingan Olympiad Sains dan Matematik peringkat negeri di sini, hari ini.

--BERNAMA

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (WILAYAH) : MUKA SURAT 25**  
**TARIKH: 24 JANUARI 2016 (SELASA)**

## **Kedah pertimbang pembenihan awan**

**Alor Setar:** Kerajaan negeri sedang mempertimbangkan cadangan melakukan pembenihan awan demi menampung takungan empat empangan utama di Kedah, yang menjadi sumber bekalan air domestik dan pertanian.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bekalan Air, Sumber Air dan Tenaga negeri, Datuk Badrol Hisham Hashim, berkata proses pembenihan awan itu mungkin perlu dibuat dalam masa terdekat jika paras air empat empangan utama di Kedah terus terjejas akibat kemarau.

Beliau berkata, Kedah dalam proses memohon peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan termasuk melakukan perbincangan dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bagi pelaksanaan pembenihan awan itu.

### **Hujan bukan di kawasan tадahan**

"Ketika ini, walaupun ada hujan tetapi kita dimaklumkan tidak berlaku di kawasan tадahan, menyebabkan langkah berjaga-jaga perlu diambil termasuk kemungkinan melakukan pembenihan awan.

"Kita sudah membuat mesyuarat untuk menyelaraskan penggunaan empangan dan kita juga merujuk Kerajaan Persekutuan bagi memohon kos melaksanakan proses berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Pertandingan Olimpiad Sains dan Matematik peringkat Kedah di Maktab Mahmud, di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) yang menggesa supaya Kedah melakukan proses pembenihan awan dalam kadar segera bagi mengelak risiko krisis bekalan air di Kedah, Pulau Pinang dan Perlis.

Di Kedah, ada empat empangan utama yang dikendali Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) iaitu Empangan Pedu, Muda, Ahning dan Beris.

Badrol Hisham berkata, takungan air empat empangan itu masih terkawal dan dijangka mencukupi bagi keperluan domestik dan pertanian.

**Info**

**Pembenihan  
awan**

→ merujuk Kerajaan Persekutuan bagi memohon kos melaksanakan proses pembenihan awan  
→ takungan air empat empangan masih terkawal dan dijangka mencukupi bagi keperluan domestik dan pertanian

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (NATION) : MUKA SURAT 11  
TARIKH: 24 JANUARI 2016 (SELASA)

## Monsoon rains batter southern states

**PETALING JAYA:** Strong north-east monsoon winds are bringing heavy rain to the southern states of Negri Sembilan, Malacca and Johor, too.

East coast states of Kelantan, Terengganu and Pahang are also experiencing heavy rain due to the monsoon.

According to the Meteorological Department, the strong monsoon winds have carried rain across the east coast states to several districts in Negri Sembilan, Malacca and Johor which has resulted in heavy rain.

As of 5.15pm yesterday, Infobanjir website recorded a rainfall intensity of "very heavy

"rain" of more than 90mm rainfall in Jasin and "heavy rain" between 30mm and 60mm rainfall in Sg Duyong and Batu Hampar in central Malacca.

In Negri Sembilan, several areas recorded heavy rain in Tampin while Palong Sembilan in Jempol recorded very heavy rain, amounting to 62mm.

In Johor, several areas in Segamat recorded over 110mm in rainfall with Bandar Segamat having 163mm. Muar also experienced very heavy rain.

Certain parts of other districts in Johor also experienced heavy rainfall.

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 04**  
**TARIKH: 24 JANUARI 2016 (SELASA)**

## Dua daerah di Terengganu terjejas banjir

**KUALA TERENGGANU**  
Keadaan banjir di negeri ini bertambah baik, dengan hanya dua daerah yang masih terlibat iaitu Hulu Terengganu dan Setiu.

Sehingga jam enam petang semalam, hanya 175 mangsa yang masih ditempatkan di tiga pusat pemindahan iaitu Pusat Pemindahan Kampung Bukit Tadok dan Balairaya Batu 23 di Hulu Terengganu serta Surau Kampung Nyatoh di Setiu.

Beberapa bilik gerakan bencana daerah telah ditutup secara rasmi semalam, iaitu di daerah Kemaman pada jam 3.30 petang, Dungun pada jam 11 pagi dan Besut pada jam 2 petang.

Manakala, berdasarkan

**INFO**

- 175 mangsa masih terjejas
- Hujan lebat tahap jingga

laman rasmi Jabatan Pengairan dan Saliran, paras Sungai Dungun di Jambatan Jerangau melepas paras amaran iaitu 12.03 meter, sementara Sungai Besut di Jambatan Keruak, Sungai Dungun di Kuala Jengai, Sungai Nerus di Kampung Langkap, Setiu dan Sungai Kemaman di Rumah Pam Paya Paman telah melepas paras berjaga-jaga.

Dalam pada itu, **Jabatan Meteorologi** turut mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat jingga di beberapa negeri termasuk

Terengganu.

Menurut kenyataan itu, hujan sederhana kadangkala lebat yang sedang berlaku di Terengganu, dijangka berterusan sehingga hari ini.

Selain itu, amaran angin kencang dan laut bergelora (kategori kedua) turut dikeluarkan, dengan angin kencang Timur Laut berkelajuan 50-60 kmsj dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter (15 kaki) dijangka berlaku di kawasan perairan Kelantan dan Terengganu sehingga 24 Januari.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu, dilaporkan berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.